

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 28 JULAI 2004, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 13

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. 40-100175
Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapakah jumlah kerugian yang ditanggung oleh semua Pusat Latihan termasuk universiti yang digunakan sepanjang Program Latihan Khidmat Negara diadakan.
2. 23-100099
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan:-
 - (a) sehingga kini berapakah jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan melalui skim-skim dan dana-dana yang disediakan oleh pihak Kementerian; dan
 - (b) adakah Kementerian mewujudkan unit tertentu untuk memantau pencapaian dan perkembangan serta mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan-usahawan yang mendapat pinjaman.
3. 19-100392
Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:-
 - (a) apakah polisi Kementerian mengenai pemasangan alat pemadam kebakaran di rumah-rumah pangsa khususnya di rumah pangsa PPRT; dan
 - (b) adakah penghuni-penghuni rumah pangsa mendapat latihan menggunakan peralatan-peralatan kebakaran yang disediakan dan kekerapan latihan itu diberi.

4. 44-100101
Puan Safinah binti Jusoh minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian telah mewujudkan satu bentuk insentif bagi menggalakkan Pegawai-Pegawai Perubatan tempatan yang ada untuk melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat kepakaran dan sila jelaskan.
5. 37-100119
Dato' Lim Sing @ Lam Kam Sang minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah rancangan jangka pendek dan panjang untuk mempromosikan destinasi pelancongan di sebelah Pantai timur Semenanjung sempena pembukaan Lebu Raya Pantai Timur.
6. 12-100382
Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan menyedari dasar kewangan dan fiskal ketat yang dikenakan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) kepada negara peminjam. Adakah pihak Kerajaan pernah atau bercadang untuk menyuarakan dalam mana-mana forum di peringkat Asia bagi penubuhan sebuah Dana Kewangan Asia yang berupaya memberi bantuan dengan lebih bertanggungjawab dan berkesan.
7. 25-100256
Puan Ooi Siew Kim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah selepas dasar penswastaan dilaksanakan terdapat banyak perkhidmatan telah dinaikkan harga sedangkan mutu perkhidmatan masih di tahap tidak memuaskan. Adakah Kerajaan bercadang untuk campur tangan untuk memastikan harga pengguna tidak naikkan seperti bayaran tol, bayaran astro, bayaran telefon rumah, air dan lain-lain.
8. 13-100193
Tuan Udam @ George Adam bin Talek minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah pihak Kementerian menyedari tentang masalah yang dihadapi oleh SMK Belaga, salah sebuah sekolah luar bandar di negeri Sarawak kerana kemasukan pelajar seramai 1400 orang melebihi keupayaan sekolah yang hanya boleh menampung 500 orang pelajar dan kekurangan tempat di asrama.
9. 29-100384
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa banyakkah kutu rayau dan pengemis yang telah dikenal pasti dan apakah langkah penjagaan yang diambil supaya mereka ini boleh hidup berdikari. Berapa banyakkah pusat penjagaan kutu rayau dan pengemis di negara ini.

10. 15-100421
Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajjah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang telah dan akan diambil oleh pihak Kerajaan bagi memastikan Wawasan 2020 dapat dicapai dan apakah petunjuk yang boleh dijadikan sandaran untuk mendapatkan pengiktirafan sebuah negara maju.
11. 27-100344
Puan Hajjah Che Jam binti Harun minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah syarat-syarat yang membolehkan Orang-orang Kurang Upaya (OKU) menerima bantuan yang disediakan oleh pihak Kementerian dan sampai umur berapakah mereka layak memohon.
12. 21-100171
Datin Naomi Chong Set Mui minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah rancangan untuk membina 'flyover' di tiga (3) persimpangan iaitu jalan di Jalan Kolam, Luyang - Jalan Penampang (Lido) dan persimpangan Jalan Tuaran untuk mengurangkan kesesakan jalan raya.
13. 7-100238
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai cadangan untuk mewajibkan pembelajaran bahasa ibunda iaitu Bahasa Tamil dan Cina di sekolah-sekolah kebangsaan supaya lebih ramai murid India dan Cina akan memasuki sekolah kebangsaan.
14. 39-100325
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan bas awam di seluruh negara, kerana majoriti bas awam yang beroperasi ketika ini telah melebihi 10 tahun.
15. 41-100070
Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan tentang Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT):-
 - (a) adakah Kementerian sedia memberi pinjaman buku teks kepada semua pelajar tanpa mengira jenis sekolah dan pendapatan ibu bapa; dan
 - (b) jika sedia untuk memberinya bilakah ianya hendak dilaksanakan.

16. 35-100045
Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian membuat kajian mengenai jalan-jalan utama persekutuan dan lebuh raya yang diapit oleh tanah tinggi, lereng bukit yang merbahaya terutama pada musim hujan yang mudah runtuh dan berapakah tempat-tempat yang dikenal pasti di seluruh negara yang mempunyai status selamat kepada pengguna jalan raya.
17. 46-100129
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian untuk membendung trend baru rompak dalam teksi dan adakah Kerajaan berhasrat menetapkan ciri-ciri asas yang perlu dimiliki oleh seseorang pemandu teksi.
18. 49-100361
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menyelaraskan pengurusan penyu dan adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk membuat perubahan lebih drastik dengan meletakkan sumber penyu di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat memandangkan penyu semakin pupus.
19. 26-100194
Tuan Zainal bin Rampak minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa wujudnya diskriminasi ke atas pekerja apabila Syarikat Airport Limo (M) Sdn. Bhd mewujudkan dua sistem pekerjaan iaitu sistem makan gaji dan usahawan.
20. 42-100246
Tuan Tan Cheng Tee minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian menyediakan peruntukan bagi Persatuan-persatuan Belia Cina bagi menjalani aktiviti belia dan sukan.
21. 53-100218
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pesakit AIDS di Malaysia dan adakah jumlah ini akan menjejaskan imej negara kita. Jika ya, apakah langkah-langkah yang diambil atau dicadang bagi mengawal penyakit ini.
22. 46-100125
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jenis-jenis sekolah dan negeri di mana terdapatnya masalah disiplin pelajar. Sila nyatakan juga statistik perkara berkaitan masalah disiplin tersebut.

23. 9-100306
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian sudah mengenal pasti kaedah-kaedah baru pengedaran VCD lucah dan apakah cara-cara untuk mengatasi supaya mengedar VCD lucah dapat dihapuskan.
24. 22-100208
Dato' Dr. Vijayaratnam a/l Seevaratnam minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah perkembangan semasa berhubung dengan masalah projek penambakan tanah (reclamation) oleh pihak Singapura di Selat Johor yang menyempitkan saluran laluan perkapalan di situ.
25. 20-100060
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan:-
- (b) sejauh manakah peruntukan sebanyak RM115 juta telah digunapakai untuk melaksanakan program pembangunan Orang Asli seluruh negara; dan
 - (b) adakah Kementerian bercadang menyusun semula sistem pengurusan pentadbiran di JHEOA sebagai memberi laluan atau peluang anak Orang Asli yang berkelayakan untuk menyandang jawatan sebagai Ketua Pengarah, Timbalan, Pengarah dan Pegawai di setiap daerah di jabatan berkenaan.
26. 38-100262
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kesan terhadap minat pelabur untuk melabur di negara ini berikutan pergolakan di negara-negara jiran terutama sejak awal tahun ini.
27. 53-100231
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-
- (a) berapakah bilangan permohonan yang diterima kaum bukan bumiputera untuk berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam dan berapakah bilangan pemohon yang berjaya ditawarkan serta mengambil kesempatan ini untuk berkhidmat dengan Kerajaan; dan
 - (b) adakah Kerajaan bercadang untuk menepikan syarat iaitu kredit dalam bahasa Malaysia dan digantikan dengan lulus bahasa Malaysia untuk menambahkan bilangan permohonan memandangkan Kerajaan kini berhasrat meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris di kalangan kakitangan Kerajaan.

28. 20-100057
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan:-
- (c) perubahan dasar atau pendekatan yang bakal dipelopori dalam usaha membangun dan meningkatkan ekonomi, pendidikan dan politik ke arah menangani isu kemiskinan (hampir 80% daripada 148,000 penduduk), isu keciciran (60%) dan isu gejala sosial di kalangan masyarakat Orang Asli; dan
 - (b) apakah strategi ke arah mengubah atau membangunkan minda Orang Asli supaya lebih berdaya saing, terbuka untuk merebut peluang rangsangan ekonomi yang disediakan oleh Kerajaan.
29. 45-100120
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan:-
- (a) jumlah pusat-pusat hiburan di seluruh Kuala Lumpur mengikut kategori yang berdaftar dan bergerak secara haram; dan
 - (b) jumlah GRO yang bekerja di seluruh Kuala Lumpur mengikut negeri asal.
30. 38-100268
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah yang diambil bagi menyedarkan ibu bapa yang mempunyai anak kurang upaya yang mengabaikan anak-anak mereka dengan tidak mendaftar di Jabatan Kebajikan Masyarakat.
31. 9-100279
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan adakah berlaku perbezaan penilaian dan keseragaman kepada penapisan filem keluaran tempatan dan luar negara.
32. 19-100155
Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah diluluskan dan disalurkan oleh Tabung Kebajikan Kesihatan Kebangsaan (TKKK) dan Dana Khas Penyakit Kronik (DKPK) kepada pesakit-pesakit pada tahun 2003 dan 2004 dan nyatakan statistik penerima bantuan TKKK dan DKPK mengikut pecahan kaum pada tahun 2003 dan 2004.

33. 38-100271
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan langkah yang diambil bagi mengatasi masalah kemerosotan paras air di empangan-empangan utama negara ini yang jika dibiarkan berterusan akan menimbulkan pelbagai masalah.
34. 40-100167
Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan:-
- (a) apakah usaha yang dilakukan oleh Kementerian dalam menangani masalah pondan (mak nyah); dan
 - (b) adakah Kementerian bercadang untuk menubuhkan sebuah pusat pemulihan bagi golongan ini kerana budaya bertukar jantina ini semakin berleluasa dan kelihatan sukar untuk dibendung.
35. 17-100048
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dan akan diambil supaya Kuala Lumpur kelihatan lebih bersih dan tabiat membuang sampah di merata-rata tempat boleh dikurangkan.
36. 19-100159
Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap nasib dan kebajikan seramai 500 orang bekas kakitangan PETRONAS di Jabatan ICT atau pun Group Information Resource Management (GIRM) yang diswastakan kepada iPerintis, kerana ada pihak mengatakan mereka ini tidak terbelah dan mengalami tekanan hidup serta hilang daya tumpuan.
37. 18-100016
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan kajian dan tindakan yang telah diambil dalam menangani penyalahgunaan daun ketum (biak) ekoran daripada penguatkuasaan undang-undang tidak dapat dijalankan kerana masih di luar batasan undang-undang.
38. 9-100280
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan bilangan Pegawai Perhubungan Pelanggan (GRO) Melayu yang telah ditangkap (mengikut negeri) yang terlibat dalam aktiviti tidak bermoral serta langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini.

39. 7-100234
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan mengapakah dari 2528 stesen minyak yang beroperasi di negara ini, hanya 48 buah atau kurang dari 1% dikendalikan oleh kaum India adan adakah Petronas dan lain-lain syarikat petroleum boleh memberi pertimbangan khas kepada pemohon kaum India supaya lebih banyak stesen dapat dikendalikan oleh mereka.
40. 10-100291
Datuk William Lau Kung Hui minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan semenjak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) melancarkan operasi terhadap kenderaan awam bercermin gelap berapakah jumlah kenderaan yang telah disaman dari 1 Januari 2004 hingga 31 Mei 2004 mengikut pecahan negeri-negeri. Apakah sebab-sebab masih terdapat banyak lagi kenderaan seumpama ini di jalan-jalan raya seluruh negara walaupun operasi ini dilancarkan.
41. 49-100358
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian ini akan mengkaji semula sistem pengajaran yang diamalkan oleh tadika-tadika KEMAS seluruh Malaysia kerana program yang sedia ada dirasakan masih di tahap lama yang mana ianya ketinggalan jauh berbanding dengan tadika-tadika swasta.
42. 5-100364
Puan Nosimah binti Hashim minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah konsep siap bina baru jual telah dilaksanakan di seluruh negara dan jika belum sila beri tarikh pelaksanaannya.
43. 47-100090
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci:-
- (a) jumlah hutang negara sehingga kini dan senarai pihak yang negara kita berhutang; dan
 - (b) jumlah hutang semua Kerajaan Negeri terhadap Kerajaan Persekutuan sehingga kini.
44. 39-100332
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah jaminan Kerajaan terhadap keselamatan rakyat di negara ini memandangkan kes jenayah seperti bunuh, rogol, ragut dan pelacuran semakin meningkat saban hari terutama sekali penglibatan warga asing dalam kegiatan jenayah ini.

45. 5-100367
Puan Nosimah binti Hashim minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan pihak Kementerian untuk melahirkan bandar yang indah tersusun dan terancang dari segi pembinaan bangunan dan kemudahan awam.
46. 25-100248
Puan Ooi Siew Kim minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian terhadap golongan Falun Dafa yang mana pendaftaran pertubuhan mereka telah ditolak dan mereka masih bergiat aktif di Kuala Lumpur, Melaka, Johor Bahru, Sabah dan Pulau Pinang untuk memberi risalah kepada orang awam tentang politik di Negara Republik Rakyat China.
47. 4-100214
Puan Jaya Partiban minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mempertingkatkan keyakinan orang awam terhadap institusi Kehakiman khasnya pelabur asing yang kebanyakannya semasa mengikat kontrak dengan Malaysia meminta proses litigasi atau timbangtara dijalankan di luar negara.
48. 51-100086
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah kesesakan yang kini wujud di kebanyakan penjara-penjara dan pusat-pusat tahanan.
49. 14-100292
Tuan Krishnan a/l Maniam minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah Kementerian dalam menggalakkan rakyat berketurunan India dan Cina dalam menganggotai polis dan berapakah jumlah pengambilan baru mengikut kaum pada tahun ini.
50. 27-100352
Puan Hajah Che Jam binti Harun minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan:-
- (d) mengapakah Jabatan Imigresen Malaysia selalu menukar prosedur jabatan tanpa memberi notis kepada orang awam kerana keadaan ini selalu merumitkan orang ramai apabila berurusan dengan jabatan berkenaan; dan
 - (b) mengapakah wujud sesetengah pekerja asing yang memiliki Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dan ada yang mempunyai pekerjaan tetapi tidak mempunyai pas tersebut.

51. 30-100226
Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan bagi menghadkan jumlah pemilikan kenderaan dalam negara ini sepertimana yang dibuat oleh beberapa buah negara di dunia sekarang.
52. 31-100149
Datuk Benedict Bujang Tembak minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian berkenaan sedar bahawa beberapa penagih dadah (drug addicts) yang keluar dari "rehabilitation centres" terlibat dalam kes-kes jenayah. Jelaskan tindakan untuk mengatasi masalah ini.
53. 52-100413
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mencadangkan agar syarat dasar rumah kos sederhana membenarkan sekurang-kurangnya 70% daripada penjualan adalah untuk pembeli bumiputera.
54. 43-100075
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-
- (e) apakah kesan yang ketara apabila ramai guru-guru lepasan Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) ini mengajar kerana mereka sebenarnya tidak berminat dalam bidang ini; dan
 - (b) bagaimana Kementerian mengatasi masalah yang seumpama ini.
55. 50-100411
Dato' Hamzah bin Zainudin minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan:-
- (a) nyatakan dana-dana yang disediakan oleh MARA untuk membantu usahawan bumiputera; dan
 - (b) adakah dana-dana itu benar-benar telah dapat membantu usahawan di bidang perniagaan mereka.
56. 52-100414
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah sistem kuota yang diperkenalkan oleh Kerajaan mencapai objektifnya. Begitu juga dengan sistem meritokrasi, adakah ianya dapat membantu pelajar bumiputera memasuki fakulti seperti perubatan memandangkan peratus pelajar bumiputera adalah amat kecil sekali berbanding pelajar berbangsa lain.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.1/2004) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004 – **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. [27 Julai 2004]**

2. 45-100144

Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan untuk mengarahkan Kerajaan, khususnya Perbadanan Putrajaya supaya memastikan penggunaan bahasa kebangsaan didaulatkan sepenuhnya di Putrajaya selaras dengan peruntukan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan 1967. Dewan ini melahirkan rasa kesal dengan penggunaan istilah-istilah asing seperti perkataan "presint" di Putrajaya sehingga menjejaskan kedudukan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang berjiwa kebangsaan yang merdeka dan berdaulat. Kerajaan sepatutnya memastikan bahasa kebangsaan didahulukan dalam semua penggunaan, kecuali jika tidak terdapat perkataan bahasa Melayu atau bahasa serumpun, barulah wajar bahasa asing digunakan. Dewan ini juga sangat kesal dengan kecuaiian Kerajaan dalam mendaulatkan bahasa Kebangsaan di pusat pentadbiran itu sehingga menjadi galakan yang boleh merosakkan bahasa Kebangsaan".

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN</u> <u>2004</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.123	Laporan Tahunan Majlis Sukan Negara 2002 .	28 Julai 2004
ST.131	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Totalisator Malaysia (LTM) Bagi Tahun 2002 (Telah Diaudit).	28 Julai 2004
ST.132	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Akauntan Malaysia (IAM) Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit).	28 Julai 2004
ST.133	Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) Tahun 2003.	28 Julai 2004
ST.134	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) Bagi Tahun 2002 (Telah Diaudit)	28 Julai 2004